

# Pakar mata untuk rakyat

NS muncul negeri pertama sedia kemudahan rawatan bergerak dengan harga murah

■ SARINAH MAT KASIM

**SEREMBAN** - Negeri Sembilan menjadi negeri pertama menyediakan tawaran perkhidmatan klinik pakar bergerak bagi rawatan mata atau dikenali sebagai Klip Mobile.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, Klip Mobile merupakan salah satu program untuk merakyatkan perkhidmatan kesihatan, sekali gus meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Menerusi Klip Mobile, katanya, masyarakat luar bandar atau mereka yang tinggal pedalaman berpeluang mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan mata oleh doktor pakar yang ditugaskan khas di situ.

"Kita sedar, masyarakat

yang tinggal di luar bandar atau pedalaman ramai tidak mampu mendapatkan perkhidmatan doktor pakar.

"Sebab itulah kerajaan negeri melancarkan kemudahan ini bagi memberi tawaran perkhidmatan kepada mereka yang memerlukan.

"Hanya bayar RM5 sahaja, mereka akan diperiksa oleh pakar mata bagi mendapatkan rawatan dan khidmat nasihat, atau jika memerlukan rawatan susulan, pesakit akan dirujuk ke hospital," katanya.

Menurutnya, idea itu merupakan hasil usaha kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan dan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) dalam membantu masyarakat luar bandar mendapatkan rawat-



Mohamad (tiga, kiri) mendengar taklimat ringkas dari pakar mata dalam Klip Mobile selepas pelancarannya, semalam.

an pakar mata dengan harga mampu bayar.

Menurutnya, seorang doktor pakar ditempatkan di Klip Mobile yang akan bergerak ke

seluruh daerah negeri yang telah dikenal pasti.

"Antara penyakit yang akan diperiksa adalah katarak, glaucoma, penyakit degenerasi

macula, diabetik retinopati dan selaput di hadapan mata," katanya pada Majlis Perlancaran Klinik Pakar Bergerak (Mata) di Batu 13 Labu Hilir, di sini,

semalam.

Hadir sama, Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan, Dr Abdul Rahim Abdullah; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mat Ali Hassan dan Adun Labu, Datuk Hasim Rusdi.

Sementara itu, Mohamad berkata, dalam tempoh terdekat ini, pihaknya juga akan menyediakan pakar pergigian yang akan bergerak seiring dengan perkhidmatan sedia ada.

"Kita berharap perbelanjaan yang besar lebih ini dapat dimanfaatkan seluruh masyarakat luar bandar atau mereka yang tinggal di pedalaman, sekali gus memberi peluang kepada mereka mendapatkan rawatan dari doktor pakar," katanya.